| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Pokok Panasonic di FRIM** | | |
| Date | **12 Aug 2009** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Kosmo** | Page No | **32,33** |
| Section | **Kosmo 2** | Article Size | **1206 $cm^2$** |
| Journalist | **N/A** | | |
| Frequency | **Daily** | Color | **Full Color** |
| ADValue | **10,486** | PRValue | **31,457** |





WAJAH kegembiraan dan kepuasan jelas tergambar pada setiap peserta selepas aktiviti berakhir.



SEORANG petugas FRIM menerangkan teknik menanam pokok dengan betul kepada kakitangan Panasonic.

# Pokok 'Panasonic' di FRIM

**Lebih 100 kakitangan Panasonic seronok menyertai program menanam pokok di Taman Botanikal, FRIM, Kuala Lumpur.**

atlas


Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my


DALAM usaha menghijaukan Bumi yang semakin dilanda pencemaran akibat tindak-tanduk pihak yang tidak bertanggungjawab, sekumpulan kakitangan Panasonic AVC Network Kuala Lumpur Malaysia Sdn. Bhd. (PAVCKM) bersemangat menyertai program menanam pokok, baru-baru ini.

Memilih Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai lokasi, lebih 100 kakitangan PAVCKM bekerjasama untuk menanam sejumlah 50 batang pokok di Taman Botanikal yang terletak dalam kawasan FRIM, Kuala Lumpur.

Pengarah Urusan PAVCKM, H. Uemura berkata, ini merupakan sebahagian inisiatif yang dilakukan pihaknya untuk memastikan kehijauan bumi dikekalkan.

"Sejak tahun 2007, Panasonic sudah terlibat dengan aktif dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Tahun lalu, syarikat telah mengumumkan Pengisytiharan Idea Eco yang mempunyai tiga konsep iaitu Idea Eco untuk Produk, Perkilangan dan Idea Eco untuk Semua Orang, Di Mana Sahaja.

"Selain memulihara sumber alam menerusi penggunaan elektrik, air dan kertas secara efisien dalam menguruskan aktiviti perniagaan, kakitangan Panasonic turut dilatih supaya terlibat secara serius dalam memegang tanggungjawab menjaga alam sekitar dan melibatkan diri dalam aktiviti komuniti mesra alam.

"Justeru, saya berharap semua kakitangan yang datang gembira dengan aktiviti yang dijalankan dan bangga kerana dapat menyumbang ke arah memulihara khazanah alam dan menghijaukan bumi," ujar Uemura.

Program ini bermula pada pukul 8.30 pagi dan tamat kira-kira pukul 12 tengah hari termasuk melakukan aktiviti merentas hutan.

Salah seorang kakitangan, Nurfarzana Kamaruddin, 24, melahirkan rasa gembira kerana dapat menyumbang sesuatu untuk alam sekitar.

"Walaupun ia nampak kecil, tetapi besar maknanya bagi mereka yang mencintai alam semula jadi yang semakin terhimpit oleh kerakusan pembangunan yang dilakukan ke atasnya. Malah, melalui aktiviti ini juga, ia dapat merapatkan hubungan sesama pekerja yang datang dari jabatan atau bahagian berbeza," tutur Nurfarzana.

Sementara itu, bagi Chin Yeow Homm, 30, secara keseluruhannya aktiviti ini memberi faedah kepada semua yang terlibat dan mampu menyihatkan badan.

"Contohnya, apabila menanam pokok, kita perlu menggali tanah dan menimbusnya kembali yang mana secara tidak langsung, aktiviti itu membuatkan badan berpeluh dan menyegarkan otak," kata Yeow Homm yang sudah beberapa kali terlibat dalam aktiviti sebegini.

Seorang lagi kakitangan, M. Krishnaveni, 37, berharap agar pokok yang ditanamnya akan membesar dengan baik untuk membebaskan lebih banyak oksigen dan menyedut karbon dioksida yang dikeluarkan manusia.

"Ini kali pertama saya menyertai aktiviti menanam pokok. Apa yang pasti, saya rasa ia merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh semua orang. Semoga sebatang pokok yang saya tanam ini membesar dengan subur," pinta Krishnaveni penuh harapan.



NURFARZANA KAMARUDDIN



CHIN YEOW HOMM



M. KRISHNAVENI





BERSEMANGAT. Semua yang terlibat berganding bahu menjayakan program penanaman pokok di FRIM yang dianjurkan Panasonic.



SEBATANG pokok yang ditanam bakal memberi manfaat besar kepada Bumi.